

## **Taman Laut Labuan mampu jadi tarikan pelancong: Ketua Pengarah JTLM**



**KENANGAN ... Fadli menyampaikan cendera kenangan kepada Dr. Sukarno (kanan sekali) selepas merasmikan program ramah mesra JTLM di Bilik Reflesia, pada Selasa.**

15th December, 2011

LABUAN: Ketua Pengarah Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM), Dr Sukarno Wagiman berkata, Taman Laut Wilayah Persekutuan Labuan yang merangkumi Pulau Kuraman, Pulau Rusukan Besar dan Pulau Rusukan Kecil, mampu menjadi daya tarikan pelancong kerana kawasan ini bukan saja berhampiran dengan empat lokasi menyelam yang popular tetapi juga kini menjadi pusat penetasan dan pembiakan anak-anak penyu yang baru saja diwujudkan di kawasan itu.

Bagaimanapun apa yang lebih penting katanya, Taman Laut Wilayah Persekutuan Labuan telah di wartakan sebagai salah satu kawasan pemuliharaan dan pengurusan sumber biodiversiti marin negara.

“Taman Laut Wilayah Persekutuan Labuan dan beberapa taman laut yang lain di Kedah, Terengganu, Pahang dan Johor adalah merupakan kawasan santuari untuk pembiakan dan perlindungan semula jadi bagi pelbagai spesis ikan komersial termasuk batu karang dan secara tidak langsung meningkatkan produktiviti berasaskan perikanan dan mewujudkan industri eko pelancongan negara yang mampan untuk menjana ekonomi negara,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Ramah Mesra Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) bersama Jabatan dan Agensi Kerajaan peringkat Wilayah Persekutuan yang diadakan di Bilik Reflesia, Ujana Kewangan dekat sini, pada Selasa.

Hadir sama, Pengarah JTLM, Wilayah Persekutuan Labuan, Fadli Long, Pengarah Bahagian Penyelidikan JTLM, Datin Shahima Abdul Hamid, dan Pengarah Bahagian Pendidikan dan Interpretasi Maklumat, JTLM, Halijah Mat Sin.

Dr Sukarno berkata, Malaysia telah diiktiraf antara 12 negara mega Biodiversiti di dunia yang memiliki terumbu karang tercantik, ikan yang pelbagai jenis dan berwarna-warni yang menjadi daya tarikan pelancong ke Pulau-Pulau Taman Laut di Malaysia termasuklah di Pulau Taman Laut Wilayah Persekutuan Labuan.

Katanya, dianggarkan kira-kira 500,000 pelancong setiap tahun telah pergi ke Taman Laut di seluruh negara. Dalam perkembangan yang lain, beliau turut menjelaskan bahawa aktiviti penangkapan ikan yang dilarang atau menyalahi peraturan masih lagi berlaku yang sekaligus membatutkan usaha kerajaan untuk melindungi batu karang daripada terus diancam kemusnahan.

Katanya, aktiviti pengeboman ikan yang masih berlaku di beberapa kawasan berhampiran Pulau Taman di Sabah telah menyebabkan kemusnahan terumbu batu karang dan menjejaskan sumber perikanan negara.

“Tindakan mengambil jalan mudah oleh para nelayan dengan menggunakan bom ikan dan racun sianida yang bertujuan bukan saja untuk melemahkan ikan tetapi juga mengancam keselamatan diri dan pengguna,” katanya.

Dr Sukarno berkata, statistik terbaru daripada Jabatan Perikanan Malaysia menunjukkan kes tangkapan ikan di Sabah menggunakan bahan letupan telah merekodkan 19 kes tangkapan daripada 26 aduan yang diterima.

“Kota Kinabalu mencatatkan kes tertinggi pengeboman ikan iaitu 13 kes diikuti Sandakan dan Tawau dua kes serta masing-masing satu kes di Kudat dan Kota Belud,” katanya.